

CNS1582

U GB 03-12 00230 BA557

bah

JRRAK RUKAN PENGHALANG HUBUNGAN RAPAT DENGAN ,NEGARA-NEGARA CARIBBEAN
Mahathir - Perdagangan (ulangan membetulkan tarikh pada dateline dan
menambahkan perkataan+tiga+padapara lima)

Daripada Donald Baptist

T

CASTRIES(ST LUCIA), 3 Dis (Bernama) -- Jarak tidak seharusnya menjadi
penghalang kepada perkembangan perdagangan dua hala dan komunikasi antara
negara-negara kepulauan Caribbean dengan Malaysia untuk faedah bersama,
Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini.

Beliau berkata Malaysia berharap dapat mewujudkan hubungan rapat dengan
St Lucia dan negara-negara kepulauan Caribbean yang lain ke arah
mempertingkatkan pertukaran perdagangan dua hala dan komunikasi.

+Kami bukan sahaja melihat daripada segi jualan tetapi kami juga mahu
melihat apa yang boleh dibeli dari rantau ini,+ katanya kepada sekumpulan
50 usahawan pada jamuan tengah hari anjuran sektor swasta St Lucia semalam.

Beliau berharap lebih ramai rakyat St Lucia melawat Malaysia untuk
meninjau cara dan latihan yang dilaksanakan di institusi-institusi tempatan
sementara Malaysia boleh belajar daripada pakar-pakar St Lucia mengenai
penanaman pi sang dan pelancongan.

Datuk Seri Dr Mahathir yang sedang dalam lawatan tiga hari ke sini,
berkata Malaysia mempunyai dasar mewujudkan hubungan persahabatan bukan
sahaja dengan kuasa-kuasa besar tetapi dengan sesiapa sahaja.

+Kita tidak tahu bila masanya seseorang sahabat itu berguna. Sama ada
mereka ini dapat membantukita atau tidak, saya fikir adalah baik untuk
menjadi sahabat,+ katanya.-- Lagi

▼03/12/12-09MST

U GB 03-1 2 00134 BA554

bah

Mahathir-Perdagangan 2 Castries

Katanya, dal am dasar persahabatannya itu, Malaysia sedang membentuk
kerjasama Selatan-Selatan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan
hubungan rapat dengan negara-negara Selatan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kami kini menuju ke Amerika-Latin,
sebuah tempat yang jauh daripada kami, tetapi dengan usaha
bersungguh-sungguh kami untuk mendekati diri, maka kami merasa dekat
dengan mereka.

+Mereka mendapat faedah daripada perdagangan, begitu juga kami.+

Katanya, St Lucia juga tidak begitu jauh dari Malaysia kerana masa yang
diperlukan ialah 24 jam penerbangan dan masa ini akan dipendekkan di masa
depan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai rakan dagangan
tradisi seperti Eropah, Amerika Utara dan Jepun tetapi ia berhasrat
mengurangkan pergantungan terhadap negara-negara maju kerana negara-negara
membangun juga menyedi akan pel uang yang sama.-- Lagi"

▼03/12/11-29MST

U GB 03-12 00164 BA555

bah

Mahathir-Perdagangan 3 Castries

Katanya , oleh kerana kebanyakan negara diUtara mendapat faedah daripada perdagangan dan pelaburan di Selatan, tiada sebab kenapa negara-negara di Selatan tidak berbuat sedemikian dan mendapat faedah daripadanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia merupakan sebuah negara pertanian pada satu ketika dengan eksport getah, minyak kelapa sawit serta koko antara eksport utamanya selain bijih timah.

Bagaimanapun syarat-syarat perdagangan sentiasa bertukar yang merugikan Malaysia dan ia terpaksa menjual lebih banyak getah untuk membeli barangan pembuatan dengan nilai yang semakin kurang.

+Kami dapat melihat bahawa jika kami membuat, kami mendapat keuntungan daripada kenaikan harga harangan pembuatan. Oleh itu kami mengambil keputusan untuk menceburi bidang pembuatan, +katanya.

Katanya memandangkan Malaysia tidak mempunyai teknologi, cara dan modal pelabur asing digalakkan memulakan industri di Malaysia dan pada 1990 sahaja pelaburan mereka berjumlah US\$15,000 juta (\$40,500 juta).

+Oleh itu, tlgan membuka dan tidak menutup pintu negara, kita akan mendapat keuntungan, +katanya.-- Lagi

▼03/12/11-30MST

CNS1544

R GB 03-12 00168 BA556

bah

Mahathir-Perdagangan 4 (akhir) Castries

Bagaimanapun, katanya, usaha ini memerlukan masa dan kesabaran dan kini Malaysia lebih sofistikated dalam sektor pembuatan, mengeluarkan telefon, komputer dan keluaran elektronik lain.

Beliau yakin apa yang dicapai oleh Malaysia boleh juga diperolehi oleh St. Lucia dan negara-negara kepulauan Caribbean lain.

Yang turut hadir pada jamuan itu ialah Perdana Menteri Grenada, Encik Nicholas Braithwaite.

Pagi ini, Datuk Seri Dr Mahathir memulakan hari kedua lawatannya dengan menemui pemangku Gabenor-Jeneral, Francis James.

Dengan diringi Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali, beliau kemudian menemui Perdana Menteri John Compton sebelum mengadakan perbincangan dua hala selama kira-kira sejam.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian dibawa me3awat projek pembangunan Rodney Bay Marina -- sebuah kelab kapal layar persendirian dan kompleks villa yang menawarkan perkhidmatan dan kemudahan untuk tambahan.

Malam ini Datuk Seri Dr Mahathir and Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah akan menjadi tetamu kehormat pada majlis jamuan oleh pemangku Gabenor-Jeneral. -- Bernama

▼03/12/11-35MST